

Universiti mesra OKU

Ahmad Rabiul Zulkifli
am@hmetro.com.my

Kuala Nerus

Status orang kurang upaya (OKU) dua pelajar tidak menghalang mereka menyambung pengajian ke peringkat diploma di Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA), selepas meraih keputusan cemerlang dalam peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) tahun lalu.

Normelisa Mohd Yadi, 18, dari Kampung Losong Haji Awang berkata, dia teruja dan berasa bertuah apabila berjaya melanjutkan pengajian ke UniSZA di peringkat Diploma Pengajian Islam (Bahasa & Kesusasteraan Arab) yang diminutinya sejak kecil.

"Saya bercita-cita menjadi penyuarah bahasa Arab dan UniSZA universiti paling sesuai melanjutkan pengajian itu.

"Paling penting pelbagai kemudahan untuk OKU disediakan UniSZA memberi kelebihan kepada saya meneruskan pengajian dan menjalankan kehidupan seharian.

■ Pelajar istimewa cemerlang SPM yakin fasiliti disediakan UniSZA



dalam SPM iaitu 10A 1B.

Sementara itu, Atifah Aisah Rosli, 18, dari Kampung Kubang Jela berkata, dia mengalami masalah keadaan fizikal kecil dan kekurangan dirinya membuatkan dia lebih bermotivasi memajukan diri dalam pelajaran.

"Walaupun kekurangan berbanding orang lain, jika mempunyai taraf pendidikan baik, ia membuatkan kita lebih yakin dan tidak dipandang kecil oleh masyarakat.

"Saya sudah biasa dengan keadaan seperti ini sejak dibangku sekolah dan yakin mampu berikhtikar tanpa ke-luarga kerana itu kali pertama saya berpisah dengan mereka," katanya anak sulung lima beradik itu.

Majlis dirasmikan, Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa), Prof Dr Mahdzir Mohamad dan turut hadir Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni), Prof Dr Nik Wan Omar.

"Kekurangan diri memberi dorongan kepada saya belajar bersungguh-sungguh sehingga ke peringkat lebih tinggi," katanya yang memperoleh keputusan cemerlang

Normalisa berkata, dia dilahirkan normal, tetapi pada usia 11 tahun, dia diserang demam panas sehingga menyebabkan kedua-dua kakinya cacat.

Sediaakan memberi keyakinan kepada saya," katanya selepas majlis Penutup Minggu Mesra Siswa Pelajar Diploma UniSZA Sesi 2016/2017 di Dewan Perdana, kelmarin.

"Saya tidak menghiraukan sangat penerimaan orang sekeliling terhadap diri saya yang mungkin serba kekurangan, tetapi kemudahan untuk golongan OKU yang lengkap di-

ANTARA pelajar pelbagai jurusan pada majlis penutup Minggu Mesra Siswa Pelajar Diploma UniSZA.